

Wan Azizah enggan jadi ADUN 'Yes Man'

Free Malaysia Today

24 March 2014

Oleh Ikhwan Zulkaflee

PETALING JAYA: Pekan Kajang yang terkenal kerana satenya itu menerima Ahli Undangan Negeri (ADUN) baharu setelah calon Pakatan Rakyat Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail berjaya menewaskan lawannya dari Barisan Nasional (BN) Datin Paduka Chew Mei Fun semalam dalam pilihan raya kecil (PRK) DUN Kajang.

Dalam sidang medianya sehari sebelum hari pengundian PRK Kajang, Wan Azizah dipuji oleh pemimpin PKR seperti Ahli Parlimen Ampang Zuraida Kamaruddin dan Adun Bukit Lanjan Elizabeth Wong kerana berjaya mengutarakan beberapa masalah yang dihadapi penduduk Kajang seperti ketiadaan tapak pelupusan sampah dan juga kekurangan lampu jalan; lantaran mempunyai komunikasi terus dengan Menteri Besar Selangor Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

Apabila disoal adakah ini menunjukkan kelemahan mantan ADUN Kajang Lee Chin Cheh dalam menjalankan tugasnya, Wan Azizah dengan tenang menjawab setiap ADUN mempunyai batasannya sendiri.

“Sebenarnya apa pun, setiap wakil rakyat mempunyai kekangan-kekangan yang saya kira akan berlaku kepada saya juga. Dan kalau ada mana-mana (masalah) kita boleh selesaikan akan kita selesaikan, Alhamdulillah,” katanya.

Menurutnya lagi, dia mahukan yang terbaik untuk rakyat Kajang dan enggan sekadar menjadi Adun 'Yes Man'.

“Kita dalam menjadi wakil ini akan cuba menyelesaikan sebanyak mungkin. Kritikan yang kita beri itu adalah membina. Dulu saya biasa ditanya soalan ini juga dan ini bukan kritikan saya kepada kerajaan negeri. Kita bukan 'Yes Man'. Kita hanya mahu yang terbaik untuk rakyat,” jelasnya lagi.

Presiden PKR itu, yang lebih mesra dengan panggilan Kak Wan, memenangi PRK Kajang dengan majoriti 5,379 undi, kurang 1,445 undi daripada apa yang diperolehi oleh Chin Cheh dalam Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU13) lalu

Wan Azizah meraih 16,741 undi manakala lawannya, Mei Fun pula meraih 11,362 undi.

Walaupun menerima kurang 2,830 undi berbanding yang diterima Chin Cheh Mei lalu, Wan Azizah bagaimanapun masih berjaya meningkatkan undi Melayu dan undi orang muda kepada Pakatan Rakyat (PR), walaupun jumlah pengundi yang keluar mengundi merosot sebanyak 15.8% yang menyaksikan hanya 72.1% (23,814 orang pengundi) keluar menunaikan tanggungjawab.

Mei Fun, yang juga merupakan Naib Presiden MCA, dalam satu kenyataan yang diedarkan semalam mengucapkan tahniah kepada Wan Azizah dan berharap beliau mampu menunaikan

manifesto yang dijanjikan serta menyelesaikan masalah yang dihadapi penduduk Kajang.

Walaupun tumpas, Mei Fun berkata BN masih boleh berbangga kerana berjaya mengurangkan majoriti undi disamping berjaya meningkatkan peratusan undi kaum Cina kepada BN.

Copyright © 2013 – Free Malaysia Today

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2014/03/24/wan-azizah-enggan-jadi-adun-yes-man/>